

Berita Bandaraya

Berita Bandaraya boleh dilayari di www.dbkl.gov.my

Keluaran 1/ November 2004
Ramadan 1425H

ISSN 1675 - 1876 Naskhah Percuma



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR PERPUSTAKAAN DIGITAL

PERKAMPUNGAN SUKAN DI SETAPAK

Aktiviti bersukan bukan sahaja dapat memberi impak yang baik kepada kesihatan seseorang malah dapat menaikkan imej negara jika diceburi dengan serius dan bersungguh-sungguh. Bagi memberi peluang kepada belia dan warga kota untuk menikmati kemudahan bersukan, DBKL akan membina satu perkampungan sukan dan kompleks perumahan yang berkualiti di atas tapak seluas 30 ekar di Jalan Air Jernih/Jalan Air Tasik Mukim Setapak. Tapak itu terletak di sempadan Taman Genting Klang di utara, Sekolah Menengah Air Panas di selatan dan Jalan Air Jernih di sebelah timur.

Perumahan yang berkualiti untuk orang bujang yang bekerja di Kuala Lumpur akan dibina di samping pelbagai kemudahan awam.

Luas kawasan untuk kompleks perumahan ini ialah 2.13 ekar, kompleks perumahan untuk orang bujang seluas 3.13 ekar, masjid (1.70 ekar), pusat komuniti (0.92 ekar), Stadium Ragbi (8.35 ekar), Stadium Serbaguna (2.98 ekar), X-Games (0.77 ekar), Dewan Futsal (1.98 ekar), Pusat Bowling (0.50 ekar), Padang Memanah (0.70 ekar) sementara kawasan seluas 6.84 ekar diperuntukkan untuk tempat letak kenderaan dan jalan.

Stadium mengandungi arena tinju, gelanggang bolajaring, gelanggang bola keranjang, gelanggang sepaktakraw, gelanggang futsal, padang lapang sasar untuk latihan menembak dan pejabat pentadbiran sukan.

Pusat Komuniti pula akan menempatkan Dewan Serbaguna, bilik perbincangan dan majlis, bilik membaca/perpustakaan dan pusat penjaja. Kompleks perumahan sukan merupakan dua blok bangunan 17-25 tingkat dirancang dengan 420 - 700 unit buah rumah. Kompleks perumahan bujang pula mengandungi dua blok bangunan setinggi 17 - 25 tingkat dengan 420 - 700 unit buah rumah.

Berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, kawasan ini akan dimajukan untuk perumahan termasuk pemindahan bandar dengan objektif untuk membentuk pembangunan utama dengan gabungan sukan dan kemudahan rekreasi.

Pembangunan kawasan kediaman utama di sekeliling tapak cadangan ialah Taman Genting Klang, Pangaspuri



Plan menunjukkan cadangan susun atur kawasan Air Jernih, Setapak. - Gambar Berita Bandaraya

Setapak Ria dan Kampung Baru Air Panas. Jumlah penduduk semasa di sekitar tapak cadangan ialah 28,000 orang.

Semasa mendedahkan cadangan ini kepada Berita Bandaraya, Y.Bhg. Brig. Jen. Datuk Mohmad Shaid bin Mohd Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur memberitahu bahawa DBKL juga mengeluarkan biasiswa berjumlah RM1 juta untuk atlit yang berpotensi dan ahli sukan lelaki dan wanita yang masih menuntut di peringkat sekolah menengah dan universiti yang terletak di Kuala Lumpur. Datuk Bandar berharap agar insentif ini mampu melahirkan atlit yang berpotensi untuk mengharumkan nama Kuala Lumpur khasnya dan Malaysia amnya untuk bersaing dalam pertandingan bertaraf antarabangsa seperti Sukan Komanwel, Sukan SEA dan Sukan Olimpik.

Status sebagai ibu negara, Kuala Lumpur sudah sepertinya melahirkan atlitnya sendiri. Justeru itu, beliau berharap langkah dan insentif yang diambil akan sedikit sebanyak mengisi kekosongan dan ketandusan atlit bertaraf antarabangsa di negara ini.

Dari Meja Datuk Bandar



Musim perayaan datang lagi! Warga kota, para peniaga dan sektor komersil sibuk membuat persediaan dan menyiapkan diri untuk menyambutnya lebih-lebih lagi Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Krismas dan Tahun Baru Cina akan disambut secara berterusan memandangkan jarak masa ke semua perayaan ini tidak jauh berbeza. Ditambah pula dengan cuti sekolah yang panjang akan menambahkan kemeriahannya musim perayaan ini.

Ianya merupakan satu perkara biasa di musim perayaan ini bagi para peniaga terutamanya peniaga bermusim yang hanya berniaga di musim perayaan. Kebiasaannya, peniaga ini menjual produk seperti kuih raya, pelbagai barang hiasan, pelbagai jenis tekstil, barang untuk upacara keagamaan dan sebagainya.

Lesen sementara dikeluarkan oleh DBKL bagi membolehkan peniaga bermusim ini menjalankan perniagaan untuk satu jangkamasa yang tertentu di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti di Kuala Lumpur. Lokasi ini dipilih berdasarkan kepada keselesaan, kedudukan yang strategik dan bangsa supaya semua pihak dapat berniaga dengan baik sepanjang musim perayaan ini.

Ibu tunggal dan orang yang kurang upaya juga diberi peluang berniaga bagi mendapatkan wang tambahan untuk perbelanjaan menyambut raya. Walau bagaimanapun, peruntukan tempat untuk peniaga ini menjadi satu masalah bagi DBKL kerana ada peniaga yang mahu menjalankan perniagaan di lokasi tertentu sahaja. DBKL menghadapi dilema dalam memastikan pembahagian gerai ini memenuhi kehendak semua pihak memandangkan ruang yang terhad.

Tahun ini masalah yang sama tidak dapat dielakkan dan menjadi agak kritikal kerana dwi-perayaan iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali disambut serentak. Ramai peniaga Melayu dan India ingin berniaga di Lorong Tuanku Abdul Rahman, Jalan Melayu dan Masjid India. Lot gerai di kawasan-kawasan ini yang diperuntukkan selepas pengundian di mana sebanyak 556 lot (486 lot untuk barang kering dan 70 untuk makanan yang sudah dimasak). Sebanyak 3145 permohonan diterima untuk gerai barang kering dan 277 untuk yang sudah dimasak.

Lain-lain kawasan yang tidak mengadakan pengundian di mana pembahagian gerai belumarkan kepada ‘siapa cepat dia dapat’ terletak di pinggir bandar seperti (velodrom, Taman Tun Dr Ismail, Damansara, Sentul, Brickfields) dan lain-lain sebanyak 12406 lot. Kawasan tradisional pula terdiri daripada Kampung Baru dan Datuk Keramat (773 lot).

Memang tidak dinasti ada negelitian pihak tidak berpuas hati dengan pembahagian ini. Satu etnik menuntut lebih banyak gerai manakala ada etnik yang lain mahukan tambahan gerai daripada yang telah diperuntukkan. Kami juga perlu mengambil kira percampuran etnik di satu-satu kawasan.

Saya ingin memaklumkan bahawa DBKL telah menyediakan lebih banyak gerai tetapi ianya terletak di pinggir bandar. Lokasinya yang dikatakan tidak menguntungkan telah menyebabkan ramai peniaga enggan berniaga di situ. Ianya satu kebetulan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali akan disambut bersama-sama. Masalah ini insyaallah, tidak akan timbul lagi tahun depan memandangkan jarak setiap perayaan agak jauh antara satu sama lain.


Saya berharap dan menyeru agar kedua-dua etnik berkompromi dan memahami keadaan dan dilema DBKL dalam usaha memastikan pembahagian yang adil dan saksama. Kedua-dua etnik disarankan supaya mengambil pendekatan ‘give and take’ serta sedia bertolak ansur atas semangat muhibah. Saya merayu kepada semua pihak agar lebih rasional dan sedia berkompromi dalam tuntutan mereka untuk kebaikan semua pihak.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai budaya, etnik, agama kita seharusnya sentiasa mengekalkan keharmonian dan kegembiraan sekaligus menjalankan perniagaan sebagai seorang warganegara yang sejati dan mengambil kira sensitiviti dan sentimen semua pihak yang terlibat.

**SELAMAT HARI DEEPAVALI
DAN HARI RAYA AIDILFITRI
UNTUK SEMUA**



**Sidang Redaksi Berita Bandaraya
mengucapkan
selamat Hari Raya Aidilfitri
Matul Zahir & Batin**



DIGITAL

PERPUSTAKAAN

KEHIDUPAN SIHAT DENGAN ALAM SEMULAJADI

Penduduk Bukit Kiara dan sekitarnya akan menikmati taman baru yang akan dibuat tidak lama lagi. Taman Arboretum yang dicadangkan menumpu kepada koleksi spesis-spesis tanaman hutan yang lebih terancang, teratur yang akan meningkatkan aspek ekologi dan impak sosial pada taman ini. Koleksi spesis hutan yang baru adalah sangat penting dalam memastikan fungsi Taman Arboretum ini sebagai hutan terancang serta mengganti sebahagian besar pokok getah sediada.

Taman Arboretum, Bukit Kiara terletak di atas Bukit Kiara bersebelahan dengan Taman Lembah Kiara, Bukit Kiara International Equestrian and Country Club dan Kuala Lumpur Golf and Country Club. Tapak taman ini mempunyai keluasan 362.9 ekar dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu 262.9 ekar Rezab Taman dan 100 ekar Rezab Pusat Penyiaran Negara.



Salah satu kawasan penanaman semula yang ditanam dengan pokok-pokok baru antaranya spesis 'Meranti Sarang Punai'. - Gambar Berita Bandaraya

Taman ini berkonsepkan **Kehidupan Sihat Dengan Alam Semulajadi** melalui integrasi pengekalan, penambahbaikan dan pembangunan berdasarkan alam semulajadi seperti penanaman pokok baru dalam anggaran 64,000 pokok, pembinaan 'jungle trail', 'canopy walkway', pusat



Kerja-kerja plotting sedang dijalankan. - Gambar Berita Bandaraya

kawalan, bangunan pentadbiran, tandas, surau, gazebo, restoran, kedai cenderamata, penyewaan basikal, 'holding nursery', tempat letak kereta, herbarium dan pusat penyelidikan tanaman.

Demi mencapai matlamat di atas, DBKL mendapati pengantian pokok-pokok getah yang mendominasi kawasan ini perlu dibuat dari sekarang. Sebagai permulaan

satu kawasan 'trial-plot' telah dikenalpasti bagi melaksanakan pengantian ini secara berperingkat yang perlu dilaksanakan oleh syarikat yang arif serta berpengalaman luas dalam bidang pengantian dan penanaman semula spesis hutan. Taman Arboretum, Bukit Kiara ini akan dibangunkan dengan kaedah penyediaan dan kajian ini akan dijadikan sebagai asas rujukan ke arah pembangunan keseluruhan taman ini.

Taman Arboretum, Bukit Kiara ini di peringkat awalan telah dan sedang dimulakan dengan penanaman 600 pokok hutan pelbagai secara 'trial-plot' terlebih dahulu di kawasan seluas dua hektar yang telah dikenalpasti dalam Taman Arboretum, Bukit Kiara ini. Penanaman pokok secara 'trial-plot' ini telah pun dimulakan pada 23 Ogos 2004 dan dijangka siap pada akhir Disember

2004. (tidak termasuk enam bulan kerja-kerja penyelenggaraan).

Taman ini seterusnya akan memperkenalkan pelbagai spesis tanaman hutan yang akan memberi pengetahuan, pembelajaran, kajian dan aktiviti riadah kepada semua peringkat umur masyarakat



Spesis bunga dikenali sebagai 'Black Lily' yang terdapat di Taman Arboretum Bukit Kiara. - Gambar Berita Bandaraya

serta kepada pelbagai golongan yang berlatar belakang pendidikan, penyelidik dan pengkaji, profesional dan juga orang perseorangan yang mempunyai minat terhadap taman hutan yang sememangnya mempunyai ratusan jenis dan kaya di negara kita tetapi kurang dikenali serta diketahui mengenai ciri dan kepentingan tanaman ini kepada alam sekitar dan 'manusia'.